

**SOALAN NO: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA:** YB UST. DATUK DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI

**TARIKH:** 9 JUN 2015

**SOALAN:**

**Ust. Datuk Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik kadar pengangguran di Terengganu dan bagaimana Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri Terengganu dalam penyediaan peluang Pekerjaan.

**PR-1332-L69336**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data Kementerian Pengajian Tinggi, statistik terkini jumlah pengangguran graduan institusi pengajian tinggi bagi tahun 2010 hingga tahun 2013 adalah seperti yang ditunjukkan di

**Jadual 1: Status Pekerjaan Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina.**

**Jadual 1: Status Pekerjaan Graduan (Warganegara)  
Mengikut Jantina**

TAHUN	Jantina	Belum Bekerja	
		Bil.	%
2013	Lelaki	18,640	-
	Perempuan	34,642	-
	<b>Jumlah</b>	<b>53,282</b>	<b>25.0</b>
2012	Lelaki	17,694	-
	Perempuan	34,141	-
	<b>Jumlah</b>	<b>51,835</b>	<b>25.6</b>
2011	Lelaki	15,657	-
	Perempuan	28,797	-
	<b>Jumlah</b>	<b>44,454</b>	<b>24.0</b>
2010	Lelaki	15,133	-
	Perempuan	27,821	-
	<b>Jumlah</b>	<b>42,954</b>	<b>24.6</b>

Sumber: Tracer Study, KPT

2. Kementerian ini tidak mempunyai data mengenai pengangguran di Terengganu. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2010, jumlah pengangguran graduan adalah seramai 42,954 orang, tahun 2011 jumlah pengangguran graduan adalah seramai 44,454 orang, tahun 2012 jumlah pengangguran graduan adalah seramai 51,835 orang dan bagi tahun 2013 jumlah pengangguran graduan adalah seramai 53,282 orang. Berdasarkan statistik, jumlah purata tahunan pengangguran bagi tahun 2010 hingga 2013 di kalangan

graduan institusi pengajian tinggi adalah dalam lingkungan 25.0 peratus.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kerajaan amat prihatin terhadap isu pengangguran di kalangan graduan. Dalam hubungan ini, Kerajaan menerusi pelbagai kementerian dan agensi telah melaksanakan inisiatif berikut:

**(i) Program Accelerated Skills Enhancement Training (ASET)**

Program ini bertujuan memberi peluang kepada graduan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.

**(ii) Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)**

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job-training* di syarikat-syarikat swasta dan *government-linked company* (GLC).

**(iii) Program Latihan Keusahawanan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA)**

Program Latihan Keusahawanan memberi peluang kepada graduan yang berminat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran keusahawanan.

**(iv) *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)***

Program ini bertujuan untuk memperkasakan kebolehpekerjaan graduan dengan latihan kemahiran dan pengalaman menerusi latihan dan pendedahan industri.

**(v) *Pelancaran Graduate Employability Blueprint (GEB) 2012-2017***

*Graduate Employability Blueprint* (GEB) memberi tumpuan untuk memperkuuh kebolehpasaran graduan serta memperincikan isu-isu kebolehdapatan kerja graduan.

**(vi) *Penubuhan Graduate Employability Taskforce (GET)***

*Graduate Employability Taskforce* (GET) berperanan untuk memantau pelaksanaan Pelan Tindakan GEB. GET dibantu oleh empat Jawatankuasa Kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Awam, Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Swasta, Jawatankuasa Kerja Penyelaras Program *Graduate Employability* dan Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome Intervensi Kebolehdapatan Kerja Graduan.

4. Program-program ini diharap akan membantu golongan penganggur di kalangan graduan untuk meningkatkan kemahiran dan

seterusnya membuka peluang yang lebih luas untuk mereka memperoleh pekerjaan.